

Family Support System among Recovering Adolescent Drug Addicts : A Case Study

Mohd Fitri Amir Shoodi¹, Abu Yazid Abu Bakar², Ku Suhaila Ku Johari³, Dharatun Nissa Puad Mohd Kari⁴, Norhafizatulhusna Ismail⁵

suhaila@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia¹²³⁴⁵

Abstract. The family support system gives an impact among recovering adolescent. The aim of this study is to explore the element of support system among recovering adolescent drug addicts using sandtray therapy approach. This is a case study involving four recovering adolescent at the Clinic Cure & Care Clinic, National Anti-Drug Agency, Kota Bharu, Kelantan. The thematic process was used to analyze the process of group sandtray therapy and the arrangement of the miniature in the sandtray. The findings show that recovering adolescent drug addicts need family as a support system, however their families were not functioning in the prevention and recovery process. Besides that, the results show that there are three vital themes of family support system, namely: 1) family issues, 2) family structure and 3) ideal family characteristics.

Keywords: Addiction Counseling, Support System, Family, Adolescent Drug Addicts.

1 Pendahuluan

Penagihan dadah adalah masalah sosial yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat. Ini mengakibatkan ratusan ribu kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja hingga dewasa. Pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan pihak yang berwajib memainkan peranan sebagai platform untuk membanteras dadah. Statistik menunjukkan peningkatan yang drastik dalam kalangan remaja bermula dari tahun 2013 sehingga 2017 dari laman web Rasmi Statistik Dadah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Ini menyebabkan tiada kesedaran setiap individu mengenai bahayanya dadah.

Keluarga merupakan salah satu sokongan sosial yang penting dalam kalangan remaja. Menurut Brannon dan Feist (2004) sokongan sosial adalah sokongan material dan emosi yang diterima daripada orang lain. Selain itu, hubungan sosial atau rangkaian sosial yang merujuk kepada bilangan individu juga dikaitkan dengan sokongan sosial. Emosi yang wujud dalam sesebuah keluarga mempengaruhi pembentukan tingkahlaku berbanding kemahiran keibubapaan (Amran Hassan, Fatimah Yusoff & Khadijah Alavi 2014).

Menurut Hsueh dan Yoshikawa (2007), keluarga yang berfungsi dengan baik memberi kekuatan dari aspek kebersamaan dari segi meluahkan perasaan, berkomunikasi dengan baik yang saling meluangkan masa antara satu sama lain. Ibubapa, rakan-rakan dan pensyarah merupakan rangkaian sosial yang memberi empat bentuk sokongan iaitu emosi, kewangan, informasi, nasihat dan keperluan (Nor Ba'yah Abdul Kadir & Asmawati Desa

2004).Walaubagaimanapun, remaja penagihan dadah tidak mendapat sistem sokongan sosial daripada keluarga.

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan remaja terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Menurut Suppiah Nachiappan (2015), faktor penagihan dadah dalam kalangan remaja adalah sikap individu itu sendiri, pengaruh rakan sebaya, permasalahan keluarga dan pengetahuan terhadap dadah. Selain itu, remaja juga mempunyai perasaan ingin tahu yang menyebabkan ramai penagih mengambil jalan mudah dengan melibatkan diri dengan dadah. Siti Ruslan (2009) mengatakan remaja tidak mampu mengawal nafsu mereka kerana pada peringkat remaja mereka sedang mencari identiti diri serta arah tuju hidup mereka.

Sistem Sokongan Keluarga

Sistem sokongan keluarga yang holistik merupakan sistem yang memberi sokongan kepada keluarga dalam menyelesaikan pertikaian keluarga terutamanya apabila pertikaian itu melibatkan isu-isu perundangan serta konflik yang melibatkan emosi, mental dan sosial (Mohd Arshad, 2017). Menurut Aizan Sofia Amin, Jamiah Manap, dan Noremy Md Akhir (2016), sokongan daripada ahli keluarga amat penting kerana ia dapat membantu mereka menjalani kehidupan yang baik dan berkualiti. Ferlis (2012) menyatakan seseorang merasa gembira dan berpuas hati apabila penjaga mereka yang terdiri daripada ibu bapa dan adik-beradik saling bekerjasama dalam memberikan sokongan emosi, fizikal dan moral kepada mereka. Emosi yang wujud dalam sesebuah keluarga sangat mempengaruhi kepada pembentukan sesuatu tingkah laku berbanding kepada kemahiran keibubapaan terutamanya kepada masalah tingkah laku individu (Amran Hassan, Fatimah Yusoff & Khadijah Alavi, 2014).

Terapi Dulang Pasir

Terapi dulang pasir adalah salah satu pendekatan terapi bermain yang menyediakan peluang untuk seseorang mengeksperasikan berkenaan diri mereka secara kreatif dan tidak verbal serta membantu klien mengenalpasti perkara di bawah sedar klien (Roubenzadeh et al., 2012). Ia juga adalah salah satu kaedah yang efektif bagi kaunselor untuk meneroka dunia dalaman klien bersama klien di samping melihat interpretasi peristiwa dan perhubungan melalui simbol yang dipamerkan di dalam dulang pasir (Ramsey, 2014). Menurut Zuriyati Seman et.al (2017), Terapi sandtray dapat dijalankan oleh kaunselor secara direktif dan tidak direktif. Pendekatan secara tidak direktif membantu kaunselor meneroka isu dan permasalahan yang ingin dikongsikan oleh klien mengikut kehendak klien.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk meneroka elemen sokongan keluarga dalam remaja penagih dadah.

2 Metode

Penyelidikan ini dijalankan secara kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes untuk menjawab persoalan tentang sesuatu fenomena yang ingin dikaji (Cresswell, 2018:2014:1998). Peserta kajian ini terdiri daripada empat orang remaja yang terlibat dengan penagihan dadah dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Cure & Care, Kota Bharu, Kelantan. Kaedah terapi dulang pasir mempunyai enam protokol pelaksanaan iaitu, 1. menyediakan ruang yang dilengkapi oleh peralatan dulang pasir, 2. memperkenalkan dulang pasir kepada klien, 3. membina gambaran di dalam dulang pasir, 4. perkongsian dan penerokaan berkaitan dulang pasir, 5. penamatan dan membersihkan dulang pasir dan 6. mendokumentasikan sesi melalui laporan kaunseling (Homeyer & Sweeney, 2016). Sebanyak 4 sesi kaunseling kelompok telah dijalankan secara berstruktur kepada peserta kajian berdasarkan lima matlamat iaitu sesi 1. membina hubungan, 2. diri, 3. keluarga, 4. sistem sokongan dan 5. harapan. Setiap sesi berlangsung selama 1 jam. Seterusnya setiap ahli perlu membina gambaran dulang pasir berdasarkan matlamat setiap sesi dan perkongsian dan penerokaan di dalam dulang pasir berlaku. Peserta kajian memberimakan setiap minit melalui penerokaan dan gambaran dulang pasir di akhir sesi perkongsian. Dalam kajian ini, data diperoleh daripada temu bual mendalam dan pemerhatian terhadap proses terapi dulang pasir ketika sesi kaunseling kelompok berlaku.

Seterusnya analisis laporan sesi kaunseling dilakukan. Penyelidik menggunakan kaedah analisis tematik untuk ketiga-tiga teknik pengumpulan data secara manual. Penganalisan data dilakukan dengan menggunakan kaedah Analisa Data 3C (Three C's Of Analysis) iaitu 'Coding, Categorizing dan Concepts' berdasarkan Litchman (2006) yang berpendapat kaedah ini dapat membantu dan memudahkan pengkaji memahami dengan lebih mendalam setiap makna yang terdapat untuk menghasilkan tema sesuatu fenomena dengan lebih berkesan dan tepat.

3 Hasil dan Pembahasan

Dapatan kajian akan dibincangkan berdasarkan maklumat yang diberikan antaranya profil demografi klien dan tema. Maklumat latar belakang klien akan menggambarkan secara keseluruhan latar belakang klien.

Profil Demografi Klien

Berdasarkan profil demografi klien, terdapat 7 item dibina bagi memberi gambaran tentang latar belakang responden. Item-item yang terkandung dalam bahagian ini ialah umur, jantina, bilangan adik beradik dan anak keperapa, agama, status ibu dan ayah serta penjaga.

Jadual 1: Profil Peserta

Responden	Umur	Jantina	Bil. Adik Beradik	Status Terkini		Caregiver
				Ayah	Mak	
KK01	15	Lelaki	Anak sulung	Mati	Mati	Nenek & ayah saudara
KK02	16	Lelaki	2 dari 9	Mati	Hidup	Mak
KK03	14	Lelaki	1 dari 4	Penjara	Penjara	Nenek & ayah saudara

Mohd Fitri Amir Shoodi, Abu Yazid Abu Bakar, Ku Suhaila Ku Johari, Dharatun Nissa Puad, Mohd Kari, Norhafizatulhusna Ismail

Family Support System among Recovering Adolescent Drug Addicts

KK04	13	Lelaki	3 dari 4	Hidup	Kritikal penyakit dan lumpuh	Ayah
------	----	--------	----------	-------	------------------------------	------

KK01 berasal daripada Sabah dan menetap di Kuala Lumpur. Ibubapa KK01 sudah meninggal sejak kecil lagi. KK01 dibesarkan oleh nenek dan bapa saudaranya. KK01 adalah anak tunggal. KK01 mempunyai kawan karib dan kekasih yang memberi semangat dan dorongannya. Walaubagaimanapun, KK01 mempunyai kawan A yang telah mengajak KK01 dalam dunia dadah melalui perkenalan yang tidak sampai sebulan. Hidup KK01 tidak terurus setelah berkenalan dengan A. Hidupnya diselubungi dunia dadah dan KK01 menggunakan dadah untuk memuaskan nafsu bersama kekasihnya. Pada masa yang sama, A berniat menikam KK01 dari belakang untuk mengambil kekasih KK01. Kawan karib KK01 selalu ada bila diperlukan apabila KK01 jatuh dan memerlukan semangat. Kawan karib KK01 sering menasihatinya untuk berubah jauh dengan dunia dadah. Manakala KK02 berasal dari Kota Bharu, Kelantan dan merupakan anak kedua dari sembilan adik beradik. Ayah KK02 sudah meninggal dunia akibat serangan jantung. Apabila ayahnya meninggal, keluarganya berpecah belah akibat ketiadaan ayahnya. Ayahnya merupakan role model buat keluarganya. Ibunya sering memarahi KK02 apabila di sekolah berbanding di rumah kerana kenakalannya. Oleh sebab itu, KK02 mengambil jalan mudah untuk mengambil dadah bersama kawan sekolahnya. Apabila ditanya pengambilan dadah, KK02 mempengaruhi rakan-rakan yang lain untuk mengambil dadah dan KK02 juga paling tinggi pengambilan dadah berbanding kawannya. KK02 sering duduk bersendirian di rumah dan tidak bergaul dengan ahli keluarga. KK02 kehilangan orang yang tersayang sebagai role model dalam hidupnya. KK02 mengimpikan keluarga yang bahagia seperti dahulu. KK02 menginginkan keluarga yang penuh kedamaian dan jauh daripada permasalahan yang menyebabkan perpecahan ahli keluarga.

KK03 berasal dari Tumpat Kelantan dan merupakan anak pertama daripada empat orang adik beradik. Kehidupan KK03 sebelum mengambil dadah sangat bahagia bersama dengan keluarganya tetapi apabila KK03 berkawan dengan geng motorsikal, KK03 telah mengambil dadah. Sebelum polis membuat serbuan di rumahnya, KK03 tidak mengetahui ibubapanya mengedar dadah. Polis mendapat 100kilogram hasil tangkapan di rumah KK03 milik ibubapanya. KK03 kecewa dan sedih dengan tindakan ibubapanya. KK03 mengharapkan ibubapanya dapat dibebaskan dari penjara. KK03 dijaga oleh nenek dan mak saudaranya setelah ibubapanya di penjara. KK03 sering bergaduh dengan ibu saudaranya berkaitan penjagaan adik bongsunya. KK03 tidak pandai menjaga adik bongsu dan ingin keluar bersama kawannya. Apabila ditanya apa kemahuan KK03, ia menginginkan keluarga yang seperti dahulu bermain di pantai dan bergelak tawa bersama mereka. KK03 juga inginkan ibubapa jauh dengan dadah. Selain itu KK04 berasal dari Ketereh, Kelantan dan merupakan anak ketiga dari empat adik beradik. Ayah KK04 bekerja di kampung dan ibu KK04 menghidap penyakit yang kronik menyebabkan tidak dapat berbuat apa-apa. Kakak dan abang KK04 sering bergaduh hak penjagaan ibunya. Saling tuduh menuduh dan membuatkan KK04 stress dengan mereka. KK04 mengambil jalan mudah untuk menghilangkan stress dengan mengambil dadah dari orang yang sering mengedarkan dadah di kedai. Keluarganya mengetahui KK04 mengambil dadah apabila KK04 sering mengambil dadah. Ibunya sering menasihati KK04 untuk berubah dan tidak mengambil. KK04 dengan rela hati untuk masuk Cure & Care setelah mendengar nasihat ibu untuk melihat ibunya sihat. KK04 amat menyayangi ibunya. KK04 menginginkan keluarga yang damai serta jauh daripada masalah dan ingin melihat ibunya sihat seperti dahulu.

Tema

Secara umumnya, hasil dapatan menunjukkan elemen sistem sokongan keluarga terhadap remaja penagih dadah kepada tiga tema utama iaitu 1) Isu Kekeluargaan, 2) Struktur Kekeluargaan dan 3) ciri-ciri sokongan keluarga yang diharapkan. Tiga aspek utama ini dianalisa, diberikan kod dan pengkaji memberikan pentafsiran pengalaman setiap peserta kajian. Ringkasnya tema disusun menggambarkan dan memahami pengalaman peserta kajian.

Jadual 3.2 : Hasil analisis data kajian

Tema	Subtema
Isu Kekeluargaan	Perhubungan Perlindungan Kehilangan
Struktur Kekeluargaan	Keluarga Nuklear Keluarga Luas Keluarga Tunggal
Ciri-ciri sistem sokongan keluarga yang diharapkan	Keluarga yang diimpikan Ibubapa dibebaskan dari penjara dan jauh dengan dadah

Isu Kekeluargaan

Kebanyakan punca yang menyebabkan berlakunya masalah tingkah laku remaja mengambil dadah adalah disebabkan konflik di dalam hubungan kekeluargaan. Isu kekeluargaan ini merangkumi perhubungan, perlindungan dan kehilangan.

Perhubungan

Berdasarkan hasil kajian, perhubungan diantara peserta kajian dengan ahli keluarga adalah renggang. Perhubungan ahli keluarga melibatkan ibubapa, nenek, bapa saudara, ibu saudara dan adik beradik. Hal ini dibuktikan oleh KK02, KK03 dan KK04 mengatakan bahawa:

“ayah saya dah meninggal akibat serangan jantung. Bila ayah saya meninggal jee, keluarga saya berpecah belah.....” (KK02)

“saya sering bergaduh dengan ibu saudara sebab kena jaga adik bongsu saya.....”(KK03)

“abang dengan kakaksaya selalu bergaduh nak jaga ibu....”(KK04)

Ketidakfungsian sesebuah keluarga pula adalah disebabkan oleh hilangnya model yang baik dan akan menyebabkan pelbagai perasaan negatif yang timbul seperti kebimbangan, masalah sosial, tingkah laku agresif dan sebagainya (Amran Hassan, Fatimah Yusoff & Khadijah Alvi (2014)

Perlindungan

Aspek perlindungan merujuk kepada penjagaan oleh ahli keluarga peserta kajian. Peserta kajian dijaga oleh nenek, bapa saudara dan ibu saudara. Antara perlindungan dari peserta kajian KK01 dan KK03

“ mak ayah saya dah meninggal sejak kecil lagi. Sekarang saya dibesarkan oleh nenek dan ayah saudara...”(KK01)

“ bila mak ayah saya masuk penjara, saya dengan adik beradik dijaga oleh nenek dan ibu saudara.....”(KK03)

Kehilangan

Aspek kehilangan dapat dijelaskan berdasarkan orang yang paling signifikan dalam hidup peserta kajian. Orang signifikan adalah role model dan ibubapa. Ia dapat dibuktikan oleh peserta kajian KK01, KK02 dan KK03 :

“ mak ayahsayadah meninggal dah lama semasa saya kecil (kecil)...”(KK01)

“ ayah sayameninggal sebab sakit jantung. Dia yang selalu tegur, marah, nasihat saya dan adik beradik.....”(KK02)

“ bila mak ayah saya masuk penjara, saya takde tempat nak mengadu dan dapat kasih sayang daripada mereka.....”(KK03)

Struktur Kekeluargaan

Berdasarkan hasil kajian terdapat tiga jenis struktur kekeluargaan iaitu keluarga nuklear, keluarga luas dan keluarga tunggal.

Keluarga nuklear

Keluarga nuklear terdiri daripada bapa, ibu, dan anak sahaja. Hal ini dapat dijelaskan oleh peserta kajian KK03 dan KK04.

“ saya anak sulong daripada empat orang adik beradik. Mak ayah saya masuk penjara sebab mengedar dadah, sekarang nenek dengan mak saudara yang jaga kami....”(KK03)

“ saya pula nombor tiga dari empat adik beradik. Ayah saya bekerja kampung jee..mak sakit terdampar kat umah.....”(KK04)

Keluarga Luas

Aspek keluarga luas terdiri daripada beberapa generasi contohnya datuk, saudara mara serta sepupu turut tinggal bersama. Ini dapat dibuktikan peserta kajian KK01 dan KK03 seperti berikut :

“ mak ayah saya dah meninggal sejak kecil lagi. Sekarang saya dibesarkan oleh nenek dan ayah saudara...” (KK01)

“ bila mak ayah saya masuk penjara, saya dengan adik beradik dijaga oleh nenek dan ibu saudara.....” (KK03)

Keluarga Tunggal

Selain itu, keluarga tunggal terdiri salah seorang sama ada ibu atau bapa serta anak. Hal ini mungkin disebabkan penceraian atau pun kematian. Dapat dibuktikan oleh peserta kajian KK02 apabila ayahnya sudah meninggal.

“saya anak nombor dua dari sembilan adik beradik, ayah saya dah meninggal sebab serangan jantung. Sekarang nii saya duduk dengan mak dan adik beradik...”(KK02)

Ciri-ciri sistem sokongan keluarga yang diharapkan

Sistem sokongan keluarga merupakan salah satu elemen penting yang boleh mempengaruhi perkembangan anak. Antara ciri-ciri sistem sokongan keluarga yang diharapkan oleh remaja penagih dadah adalah keluarga yang diimpikan dan ibubapa dibebaskan dari penjara dan jauh dengan dadah.

Keluarga yang Diimpikan

Keluarga yang diimpikan di sini bermaksud setiap orang mengimpikan keluarga yang bahagia dan harmoni. Ini dapat dibuktikan hampir kesemua peserta kajian mengimpikan keluarga yang diimpikan.

“ saya mahukan keluarga yang bahagia seperti dahulu walaupun tiada ayah disamping kami.....”(KK02)

“apa yang saya mahukan, saya nak keluarga saya macam dahulu selalu bermain di pantai dan gelak tawa bersama dengan mereka.....”(KK03)

“ saya nak keluarga saya macam dulu..jauh daripada masalah adik beradik dan nak lihat mak saya sihat macam dulu.....”(KK04)

Ibubapa dibebaskan dari penjara dan jauh dengan dadah

Setiap orang inginkan kedamaian dan jauh dengan dadah. Hasil kajian dapat dibuktikan peserta kajian KK02 dan KK03 inginkan keluarganya jauh dengan dadah.

“ walaupun saya ambil dadah, saya nak adik saya nombor empat jauh dengan dadah..sebab saya tahu dadah tu lebih bahaya dari segalanya.....”(KK02)

“ saya harap mak ayah saya bebas dari penjara...saya nak mak ayah jauh dari dadah....”(KK03)

Perbincangan

Hasil kajian ini adalah untuk memahami elemen sistem sokongan keluarga terhadap remaja penagihan dadah serta pengalaman yang dapat dilihat dari aspek isu kekeluargaan, struktur kekeluargaan dan ciri-ciri sistem sokongan keluarga yang diharapkan. Dalam kajian ini, pendekatan teori Adlerian digunakan dalam sesi dulang pasir kepada peserta kajian. Pendekatan ini menekankan tentang sistem sokongan dalam sesebuah kekeluargaan. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan kehilangan orang yang paling signifikan dalam hidup memberi kesan dalam kehidupan peserta kajian. Selari dengan dapatan kajian Amran Hassan et. al (2014) mengatakan ketidakfungsian sesebuah keluarga pula adalah disebabkan oleh

hilangnya model yang baik dan akan menyebabkan pelbagai perasaan negatif yang timbul seperti kebimbangan, masalah sosial, tingkah laku agresif dan sebagainya.

Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan peserta kajian ingin diri dan ibu bapanya bebas dengan dadah serta mengimpikan hubungan yang baik dengan keluarga. Hasil kajian selari dengan kajian Fauziah Ibrahim et. al (2014) yang menyatakan bahawa hubungan kekeluargaan yang baik juga berupaya mengurangkan rasa rendah diri dalam kalangan bekas penagih yang sedang berjuang untuk kembali pulih daripada kesan dadah dan seterusnya mampu meningkatkan kejayaan pemulihan untuk bebas daripada pengaruh dadah. Berdasarkan hasil kajian sokongan sosial dari pada keluarga kepada peserta kajian yang berterusan dapat mengekalkan jangka panjang untuk meneruskan kehidupan baru yang lebih bermakna. Ia bertepatan dengan hasil kajian Fauziah Ibrahim et. al (2014) ; Gruber dan Fleetwood, (2004) yang menunjukkan hasil kajian yang sama.

4 Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dilakukan ke atas remaja penagihan dadah mempunyai penekanan sistem sokongan keluarga yang lemah dari ahli keluarga. Golongan ini memerlukan perhatian dari semua pihak untuk membantu kepulihan remaja penagihan dadah. Kajian ini dapat memberi pengetahuan yang lebih mendalam kepada pengkaji dan penyelidik dalam meneroka elemen sistem sokongan keluarga. Justeru, Kajian ini mencadangkan kajian kuantitatif untuk mengenal pasti sistem sokongan di kalangan pemulihan remaja dalam persampelan yang lebih besar.

References

- [1] Aizan Sofia Amin, Jamiah Manap, & Noremy Md Akhir (2016). The Role of Family in the Lives of Disabled Malaysian Children. *Journal Academica*, 86(1).
- [2] Amran Hassan, Fatimah Yusoff & Khadijah Alavi, (2014). Pengaruh Faktor Kesepaduan (Kefungsian Keluarga) dan Kemahiran Keibubapaan Terhadap Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Ibubapa dan Anak. *Sains Humanika* 3:1, 99-105.
- [3] Brannon, L., & Feist, J. (2004). *Health psychology: An introduction to behavior and health*. Singapore: Thomson Wadsworth.
- [4] Corden, A., Sainsbury, R. 2006. Using verbatim quotations in reporting qualitative social research: researchers' views. ISBN 978-1-871713-98-5.
- [5] Dharatun Nissa. (2017). *Strategi Daya Tindak dalam Kalangan Ibu Tunggal Kematian Pasangan*. (Doktor Falsafah). Universiti Malaya.
- [6] Fauziah Ibrahim et. al (2014). Pengguna Dadah Wanita di Malaysia: Pengalaman Penagihan dan Hubungan Kekeluargaan. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*. 67(1): 17-25.
- [7] Ferlis Bullare @ Bahari. 2012. Using Grounded Theory for Studying Meaningful Happiness among People with Physical Disabilities in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Seminar International Conference on Psychological Sciences and Behaviors (ICPSB 2012), Jun 2012, Hong Kong. *International Proceedings of Economics Development and Research*, 40: 110-115.
- [8] Hsueh, J. A, dan Yoshikawa, H. (2007). Working nonstandard schedules and variable shifts in Low-income families: associations with parental psychological well-being. *Developmental Psychology*, 43(3), 620-632.

- [9] Homeyer, L. E & Sweeney, D.S. (2016). *Sandtray Therapy : A Practical Manual* Second Edition. New York: Routledge
- [10] Lichtman, Marilyn (2006) *Qualitative Research in Education. A User's Guide*, Sage Publications Inc. California.
- [11] Mohd Arshad, (2017). Ke arah memantapkan sistem sokongan keluarga di Malaysia: Pendekatan holistik dalam penyelesaian pertikaian keluarga.
- [12] Nor Ba'yah Abdul perincinan Kadir & Asmawati Desa (2004). Social support and cheerful: A preliminary study of higher learning institutions. *Journal e-Bangi*. 3(3), 1-12.
- [13] Nur Shakila, I. & Ku Suhaila, K. J. (2015). Aplikasi Terapi Sandtray dalam Proses Kaunseling. *Jurnal Perkama*. 19(9), 121-134.
- [14] Ramsey, L.C., (2014). Windows and Bridges of Sand: Cross-Cultural Counseling Using Sand Tray Methods. *Social and Behavioral Sciences*, 159, 541-545.
- [15] Roubenzadeh, S., Abedin, A. & Heidari, M., (2012) Effectiveness of SandTray Short Term Group Therpay with Grieving Youth. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 69, 2131-2136.
- [16] Siti Ruslan. (2009). *Penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja*. Laporan Projek Ijazah Sarjana Muda Kaunseling. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak
- [17] Suppiah Nachiappan (2015). Analysis of Contributing Factors Towards Misuse of Drugs and Rehabilitation Efforts in Terms of Cognition in PENGASIH Centres, Malaysia. *Journal of Social Science*. 1, 34–39.
- [18] Zuriyati Seman et. al (2017) Eksplorasi Terapi Sandtray Kes Pelajar Bermasalah Tingkah Laku. *Proceeding International Seminar Counselling 2017*.
- [19]